

PENGHURAIAN KERJA PERKHIDMATAN PEGAWAI OPTOMETRI

1. SKIM PERKHIDMATAN

Pegawai Optometri Gred U9, U10, U12, U13, U14.

2. PERINGKAT ORGANISASI

Jabatan Oftalmologi, Kementerian Kesihatan Malaysia.

3. RINGKASAN TUGAS

Bertanggungjawab menjalankan pemeriksaan mata untuk mengesan anomali fungsi penglihatan, merawat dan mengendalikan anomali tersebut menggunakan cermin mata, kanta sentuh, prisma, terapi visual dan *low vision* devices di samping menjadi perunding dalam masalah penglihatan warna secara profesional di dalam industri, pemanduan jalan raya serta memberi khidmat nasihat bagi memenuhi keperluan dan harapan *stakeholders*.

4. SKOP FUNGSI DAN BIDANG TUGAS

4.1 Pegawai Optometri Gred U9

4.1.1 Aspek Klinikal/Rawatan Pesakit

- a. Melakukan ujian refraksi iaitu penentuan kuasa ralat refraksi mata dan menentukan preskripsi cermin mata yang sesuai bagi pesakit yang memerlukan cermin mata termasuk pesakit yang belum dan telah menjalani pembedahan.
- b. Menentukan tahap penglihatan pesakit dengan jitu merangkumi semua peringkat umur dari bayi hingga dewasa.
- c. Menentukan sama ada pesakit yang dirujuk sesuai untuk pemakaian kanta sentuh, membuat pemasangan kantasentuh jika diperlukan di samping memberi tunjuk ajar, bimbingan dan nasihat pemakaian kanta sentuh serta melakukan rawatan susulan (after-care).

- d. Memberi rawatan kepada pesakit penglihatan terhad dan menentukan jenis peralatan yang sesuai untuk digunakan oleh mereka. Merujuk pesakit ke Jabatan Kebajikan Masyarakat, Sekolah Latihan Khas dan Persatuan Orang-orang Buta Malaysia (MAB) jika perlu.
- e. Mengukur kelengkungan kornea mata bagi pesakit yang telah menjalani pembedahan dan menentukan kedudukan jahitan yang perlu dibuka.
- f. Menjalankan pemeriksaan A-scan iaitu mengukur *axial eye length* bagi pesakit yang akan menjalani pembedahan katarak.
- g. Melakukan ujian refraksi di dewan bedah (Examination Under Anasthesia) ke atas pesakit terutamanya bayi.
- h. Membuat pemeriksaan ortopik asas iaitu pemeriksaan ke atas pesakit juling dan memberi rawatan dengan cermin mata, prisma atau terapi visual.
- i. Melakukan ujian medan penglihatan (visual field), ujian *hess chart*, ujian *Binocular single vision* (BSV), ujian penglihatan warna dan *corneal topography*.
- j. Memberi syarahan di bidang Optometri kepada Pegawai Perubatan, Jururawat dan Parademik Pos-basik.
- k. Membimbing dan melatih Pegawai Perubatan di dalam bidang Optometri dari segi teori dan praktikal.
- l. Membimbing pelajar-pelajar Optometri IPTA/IPTS di dalam bidang Optometri.

4.1.2 Aspek Pentadbiran

- a. Menentukan spesifikasi peralatan yang diperlukan secara optima untuk kegunaan di Klinik Optometri.
- b. Menyediakan data statistik bulanan dan tahunan pesakit yang dirawat di Klinik Optometri.
- c. Menjalankan tugas lain yang diberi oleh Ketua Pegawai Optometri dan pegawai atasan yang lain.

4.2 Pegawai Optometri di Gred U9 (Di Hospital Daerah yang tiada Pakar Oftalmologi)

4.2.1 Aspek Klinikal/Rawatan Pesakit

- a. Melakukan ujian refraksi iaitu penentuan kuasa ralat refraksi mata dan menentukan preskripsi cermin mata yang sesuai bagi pesakit yang memerlukan cermin mata termasuk pesakit yang belum dan telah menjalani pembedahan.
- b. Menentukan tahap penglihatan pesakit dengan jitu merangkumi semua peringkat umur dari bayi hingga dewasa.
- c. Menentukan samada pesakit yang dirujuk sesuai untuk pemakaian kanta sentuh, membuat pemasangan kantasentuh jika diperlukan di samping memberi tunjuk ajar, bimbingan dan nasihat pemakaian kanta sentuh serta melakukan rawatan susulan (after-care).
- d. Memberi rawatan kepada pesakit penglihatan terhad dan menentukan jenis peralatan yang sesuai untuk digunakan oleh mereka. Merujuk pesakit ke Jabatan Kebajikan Masyarakat, Sekolah Latihan Khas dan Persatuan Orang-orang Buta Malaysia (MAB) jika perlu.
- e. Mengukur kelengkungan kornea mata bagi pesakit yang telah menjalani pembedahan dan menentukan kedudukan jahitan yang perlu dibuka.
- f. Membuat pemeriksaan ortoptik asas iaitu pemeriksaan keatas pesakit juling dan memberi rawatan dengan cermin mata, prisma atau terapi visual.
- g. Menjalankan *diabetic eye screening* menggunakan *fundus camera* di klinik-klinik kesihatan daerah dan merujuk kes-kes kepada Pakar Oftalmologi jika perlu.
- h. Memberi syarahan di bidang Optometri kepada Pegawai Perubatan, Jururawat dan Pembantu Pegawai Perubatan dalam sesi CME Hospital.

4.2.2 Pengurusan dan Pentadbiran

- a. Mengetuai unit dan bertanggungjawab ke atas semua tugas pentadbiran dan pengurusan Unit Optometri Hospital.

- b. Menentukan jadual klinik termasuk saringan penglihatan dan diabetes di Klinik-klinik Kesihatan bekerjasama dengan Pejabat Kesihatan Daerah setiap bulan (saringan dijalankan sekurang-kurangnya 2 kali seminggu).
- c. Menentukan temujanji untuk pemeriksaan optometri bagi kes baru dan kes ulangan.
- d. Menentukan temujanji untuk kes-kes rujukan kepada Pakar Oftalmologi selepas membuat penyaringan Oftalmologi (kes-kes katarak, diabetes dan glaucoma).
- e. Membuat tugas perolehan aset Unit Optometri Hospital.
- f. Pegawai Optometri dilantik menjadi pemeriksa aset seluruh hospital.
- g. Menjadi AJK Spesifikasi Peralatan Perubatan (Optometri) di peringkat hospital.
- h. Menjalankan tugas lain yang diberi oleh Ketua Pegawai Optometri dan pegawai atasan yang lain.

4.3 Pegawai Optometri Gred U10

4.3.1 Klinik/Rawatan Pesakit

- a. Menyelia klinik Optometri di peringkat hospital.
- b. Membimbing Pegawai Optometri yang baru bertugas di hospital Kementerian Kesihatan Malaysia dan menyelia Pegawai Optometri Gred U9 di bawahnya.
- c. Melakukan ujian refraksi iaitu penentuan kuasa ralat refraksi mata dan menentukan preskripsi cermin mata yang sesuai bagi pesakit yang memerlukan cermin mata termasuk pesakit yang belum dan telah menjalani pembedahan.
- d. Menentukan tahap penglihatan pesakit dengan jitu merangkumi semua peringkat umur dari bayi hingga dewasa.
- e. Menentukan samada pesakit yang dirujuk sesuai untuk pemakaian kanta sentuh, membuat pemasangan kantasentuh jika diperlukan di samping memberi tunjuk ajar, bimbingan dan nasihat pemakaian kanta sentuh serta melakukan rawatan susulan (after-care).

- f. Memberi rawatan kepada pesakit penglihatan terhad dan menentukan jenis peralatan yang sesuai untuk digunakan oleh mereka. Merujuk pesakit ke Jabatan Kebajikan Masyarakat, Sekolah Latihan Khas dan Persatuan Orang-orang Buta Malaysia (MAB) jika perlu.
- g. Mengukur kelengkungan kornes mata bagi pesakit yang telah menjalani pembedahan dan menentukan kedudukan jahitan yang perlu dibuka.
- h. Menjalankan pemeriksaan A-scan iaitu mengukur *axial eye length* bagi pesakit yang akan menjalani pembedahankatarak.
- i. Melakukan ujian refraksi di dewan bedah (examination under anaesthesia) ke atas pesakit terutamanya bayi.
- j. Membuat pemeriksaan ortoptik asas iaitu pemeriksaan keatas pesakit juling dan memberi rawatan dengan cermin mata, prisma atau terapi visual.
- k. Melakukan ujian medan penglihatan (visual field), ujian *Hess, Chart*, ujian *Binocular Single Vision* (BSV), ujian penglihatan warna dan *Corneal Topography*.

4.3.2 Pendidikan dan Latihan

- a. Memberi syarahan di bidang Optometri kepada Pegawai Perubatan, Jururawat dan Paramedik Pos-basik.
- b. Membimbing dan melatih Pegawai Perubatan di dalam bidang Optometri dari segi teori dan praktikal.
- c. Membimbing pelajar-pelajar Optometri IPTA/IPTS di dalam bidang Optometri.

4.3.3 Pentadbiran

- a. Menentukan spesifikasi peralatan yang diperlukan secara optima untuk kegunaan di Klinik Optometri.
- b. Menyediakan data statistik tahunan pesakit yang dirawat di Klinik Optometri.

4.4 Pegawai Optometri Gred U12

4.4.1 Klinik/Rawatan Pesakit

- a. Menjalankan pemeriksaan Optometri Klinikal di klinik *sub-speciality contact lenses, low vision, orthoptic* dan *pediatric optometry* bagi kes rumit yang dirujuk.
- b. Menyelia Klinik Optometri di peringkat daerah dan di peringkat negeri.
- c. Membimbing Pegawai Optometri yang baru bertugas di hospital-hospital Kementerian Kesihatan Malaysia dan menyelia Pegawai Optometri di bawah seliaannya.
- d. Melakukan ujian refraksi iaitu penentuan kuasa ralat refraksi mata dan menentukan preskripsi cermin mata yang sesuai bagi pesakit yang memerlukan cermin mata termasuk pesakit yang belum dan telah menjalani pembedahan.
- e. Menentukan tahap penglihatan pesakit dengan jitu merangkumi semua peringkat umur dari bayi hingga dewasa.
- f. Memberi sama ada pesakit yang dirujuk merupakan calonyang sesuai untuk pemakaian kanta sentuh, membuat pemasangan kanta sentuh jika diperlukan di samping memberi tunjuk ajar, bimbingan dan nasihat pemakaian kanta sentuh serta melakukan rawatan susulan (after-care).
- g. Memberi rawatan kepada pesakit penglihatan terhad dan menentukan jenis peralatan (low vision devices) yang sesuai digunakan oleh mereka. Merujuk pesakit berkenaan ke Jabatan Kebajikan Masyarakat, Sekolah latihan Khas dan Persatuan orang-orang Buta Malaysia (MAB) jika perlu.
- h. Mengukur kelengkungan kornea mata bagi pesakit yang telah menjalani pembedahan dan menentukan kedudukan jahitan yang perlu dibuka.
- i. Menjalankan pemeriksaan A-scan iaitu mengukur *axial eye length* pesakit yang akan menjalani pembedahan katarak.
- j. Melakukan ujian refraksi di dewan bedah (examination under anasthesia) ke atas pesakit terutamanya bayi.

- k. Membuat pemeriksaan ortoptik asas iaitu pemeriksaan keatas pesakit juling dan memberi rawatan dengan cermin mata, prisma atau terapi visual.
- l. Melakukan ujian medan penglihatan (Visual Field), ujian *Hess, Chart*, ujian *Binocular Single Vision* (BSV), ujian penglihatan warna dan *Corneal Topography*.

4.4.2 Aspek Pendidikan dan Latihan

- a. Memberi syarahan di bidang Optometri kepada Pegawai Perubatan, Jururawat dan Paramedik Pos-basik.
- b. Membimbing dan melatih Pegawai Perubatan di dalam bidang Optometri dari segi teori dan praktikal.
- c. Membimbing pelajar-pelajar Optometri IPTA/ IPTS di dalam bidang Optometri.

4.4.3 Aspek Pentadbiran

- a. Menentukan spesifikasi peralatan yang diperlukan secara optima untuk kegunaan di Klinik Optometri.
- b. Menyediakan data statistik tahunan pesakit yang dirawat di Klinik Optometri.
- c. Menjalankan tugas lain yang diberi oleh Ketua Pegawai Optometri dan pegawai atasan yang lain.

4.5 Pegawai Optometri Gred U13

4.5.1 Klinikal/Rawatan Pesakit

- a. Menjalankan pemeriksaan Klinikal Optometri di Klinik *sub-speciality* bagi kes rumit yang dirujuk dan bertindak sebagai Pakar Rujuk Optometri.
- b. Mengkoordinasi dan merancang perkhidmatan optometri di peringkat negeri.
- c. Menyelaras Klinik Optometri di hospital-hospital di peringkat negeri.

- d. Membimbing Pegawai Optometri yang baru bertugas di hospital-hospital Kementerian Kesihatan Malaysia dan menyelia Pegawai Optometri bawahannya.
- e. Melakukan ujian refraksi iaitu penentuan kuasa ralat refraksi mata dan menentukan preskripsi cermin mata yang sesuai bagi pesakit yang memerlukan cermin mata termasuk pesakit yang belum dan telah menjalani pembedahan.
- f. menentukan tahap penglihatan pesakit dengan jitu merangkumi semua peringkat umur dari bayi hingga dewasa.
- g. Menentukan sama ada pesakit yang dirujuk merupakan calon yang sesuai untuk pemakaian kanta sentuh, membuat pemasangan kanta sentuh jika diperlukan di samping memberi tunjuk ajar, bimbingan dan nasihat pemakaian kanta sentuh serta melakukan rawatan susulan (after-care).
- h. Memberi rawatan kepada pesakit penglihatan terhad dan menentukan jenis peralatan (low vision devices) yang sesuai digunakan oleh mereka. Merujuk pesakit berkenaan ke Jabatan Kebajikan Masyarakat, Sekolah latihan Khas dan Persatuan orang-orang Buta Malaysia (MAB) jika perlu.
- i. Mengukur kelengkungan kornea mata bagi pesakit yang telah menjalani pembedahan dan menentukan kedudukan jahitan yang perlu dibuka.
- j. Menjalankan pemeriksaan *A-scan* iaitu mengukur *axial eye length* pesakit yang akan menjalani pembedahan katarak.
- k. Melakukan ujian refraksi di dewan bedah (examination under anasthesia) ke atas pesakit terutamanya bayi.
- l. Membuat pemeriksaan ortoptik asas iaitu pemeriksaan keatas pesakit juling dan memberi rawatan dengan cermin mata, prism atau terapi visual.
- m. Melakukan ujian medah penglihatan (Visual Field), ujian *Hess, Chart*, ujian *Binocular Single Vision* (BSV), ujian penglihatan warna dan *Corneal Topography*.

4.5.2 Aspek Pendidikan dan Latihan

- a. Memberi syarahan di bidang Optometri kepada Pegawai Perubatan, Jururawat dan Paramedik Pos-basik.
- b. Membimbing dan melatih Pegawai Perubatan di dalam bidang Optometri dari segi teori dan praktikal.
- c. Membimbing pelajar-pelajar Optometri IPTA/IPTS di dalam bidang Optometri.

4.5.3 Aspek Pentadbiran

- a. Menentukan spesifikasi peralatan yang diperlukan secara optima untuk kegunaan di Klinik Optometri.
- b. Menyediakan data statistik tahunan pesakit yang dirawat di Klinik Optometri.

4.6 Pegawai Optometri Gred U14

4.6.1 Aspek Klinikal/ Rawatan Pesakit

- a. Membuat tugas kepakaran dan pengkhususan di dalam semua aspek optometri perundangan, refraksi, kanta sentuh, *low vision*, *binocular*, *vision* dan *visual field*.
- b. Menyelia dan mengendalikan Klinik Sub-Spesialiti Optometri seperti Klinik Kanta Sentuh, Klinik Pediatrik Optometri, Klinik Penglihatan Terhad dan *Binocular Vision/Orthoptic* di jabatan dan menerima kes komplikasi yang dirujuk dari pakar Oftalmologi atau lain-lain Pegawai Optometri hospital- hospital Kementerian Kesihatan Malaysia.
- c. Mengawasi Pegawai Optometri bawahannya dalam memberi rawatan dan mengendalikan pesakit.
- d. Bertindak sebagai pakar rujuk kepada Pegawai Optometri bawahannya dalam mengendalikan kes pesakit.

4.6.2 Aspek Pendidikan

- a. Membimbing dan mengajar Pegawai-pegawai Optometrijunior di dalam jabatan yang sama.

- b. Mengendalikan kursus-kursus anjuran Optometri bagi kesemua Pegawai-pegawai Optometri Kementerian Kesihatan Malaysia bagi tujuan menambahkan pengetahuan dan meningkatkan mutu kemahiran di bidang optometri.
- c. Menganjurkan *continuous optometry education* (COE) sekali setiap bulan mengikut zon.
- d. Melibatkan diri di dalam aktiviti CPD Jabatan dengan memberi syarahan/presentation kes dan kertas kerja serta melatih dan membimbing pegawai perubatan yang menjalani program sarjana oftalmologi secara sistem terbuka.
- e. Memberi syarahan serta latihan di bidang optometri kepada paramedik (Jururawat dan Pembantu Perubatan) yang mengikuti kursus pos-basik oftalmologi dan juga kepada Pegawai Perubatan serta paramedia yang mengikuti kursus perawatan mata.
- f. Bekerjasama dengan IPTA/IPTS dalam memberi latihan dan membimbing pelajar optometri.
- g. Menyediakan kertas kerja penyelidikan bagi tujuan seminar dan konferens optometri.

4.6.3 Aspek Pentadbiran

- a. Mentadbir kelicinan Klinik Optometri di peringkat jabatan. Bidang kuasa yang diperturunkan seperti mengarah, mengesah dan memberi keputusan terhadap sebarang tindakan/keputusan dalam semua proses/protokol perkhidmatan optometri serta penyeliaan kakitangan.
- b. Membantu Kementerian Kesihatan Malaysia/ Jabatan Kesihatan dalam pembentukan polisi dan dalam merancang perkhidmatan optometri negara masa depan.
- c. Mengadakan perbincangan/mesyuarat dengan ketua-ketua Jabatan Optometri Negeri yang lain bagi mengenal pasti keperluan peralatan, latihan CPD dan pembangunan kerjaya Optometri.
- d. Bekerjasama dengan pegawai-pegawai atasan yang lain di Kementerian Kesihatan Malaysia dalam melicinkan lagi keupayaan organisasi.

- e. Terlibat dalam pindaan Akta Optik 1991 dan penguatkuasaan Akta Optik 1991 dengan Majlis Optik Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia.
- f. Aktif sepenuhnya dalam perancangan dan pembangunan bidang sub spesialisiti optometri, merancang kesesuaian pakar yang berkemahiran untuk dihantar menjalani latihan sub spesialisiti keluar negeri, membangun unit-unit sub spesialisiti dengan keperluan/kelengkapan optometri tertentu. Menentukan bidang dan bilangan tenaga manusia dan sebagainya.
- g. Menjadi ketua perkhidmatan dan anggota Jawatankuasa Kerja Pegawai Optometri Program Perubatan Kementerian Kesihatan Malaysia.
- h. Memimpin, merancang dan menilai perkhidmatan optometri secara menyeluruh.
- i. Bekerjasama dengan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) terlibat dalam penilaian sukatan pembelajaran kursus/ program Optometri IPTA/IPTS.

5. HUBUNGAN KERJA

Dalaman

- a. Pengurusan Tertinggi.
- b. Jabatan lain di hospital yang sama.
- c. Hospital-hospital Kementerian Kesihatan.

Luaran

- a. Hospital-hospital swasta.
- b. Semua kementerian/jabatan di peringkat Persekutuan dan negeri serta individu yang berurusan.
- c. Institut Pengajian Tinggi dalam dan luar negara.
- d. Pertubuhan/Persatuan dalam dan luar negara.

6. PERSEKITARAN KERJA

- a. Dalam dan luar klinik/hospital.
- b. Dalam dan luar negara.

7. KEBOLEHAN YANG DIUTAMAKAN (PENGETAHUAN/ KEMAHIRAN)

- a. Berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Optometri dengan kepujian dari Institusi Pengajian Tinggi dalam dan luar negara yang diiktiraf oleh Jabatan Perkhidmatan Awam.
- b. Berkebolehan berkomunikasi secara lisan dan bertulis menggunakan Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.
- c. Berkemahiran di dalam bidang ICT.
- d. Berkebolehan memberikan pendapat secara profesional, memberi khidmat nasihat dan mengajar.

8. SIFAT-SIFAT YANG BERSESUAIAN DENGAN JAWATAN

- a. Penyayang.
- b. Profesionalisme.
- c. Kerja berpasukan.
- d. Integriti.
- e. Bertanggungjawab dan proaktif.
- f. Efisien.
- g. Kerahsiaan.
- h. Kompeten dan teliti.
- i. Disiplin diri.
- j. Mempunyai nilai peribadi yang murni, cekap dan komited.
- k. Sedia mendengar, tegas, mesra pelanggan dan bijak dalam hubungan interpersonal.

9. ANCAMAN/BAHAYA

- a. Kecuaian dalam memberi rawatan.
- b. Percanggahan dalam kepentingan pesakit.
- c. Risiko terdedah kepada penyakit berjangkit.
- d. Risiko terdedah kepada penyelewengan dalam pembelian peralatan dan pengendalian kewangan/peruntukan.
- e. Tekanan.
- f. Boleh diambil tindakan undang-undang.